

DASAR PERHUTANAN NEGARA 1978

(Pindaan 1992)


NATIONAL FORESTRY
POLICY 1978
(REVISED 1992)



DILULUSKAN OLEH
MAJLIS TANAH NEGARA
PADA 19 NOVEMBER 1992
(approved by:
the NATIONAL LAND COUNCIL
on the 19th November 1992).



HILL DIPTEROCARP



**DASAR
PERHUTANAN
NEGARA
1978**

(Pindaan 1992)



**TIMBALAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**
KATA-KATA ALUAN

Malaysia amat insaf terhadap keperluan mengurus dan membangun sumber hutannya secara mampan selaras dengan keperluan sosio-ekonomi negara dan perlindungan alam sekitar. Dalam hubungan ini beberapa pendekatan yang komprehensif telah digubal untuk menangani cabaran-cabaran tersebut.

Bagi memenuhi keperluan yang kian meningkat untuk mengurus dan membangun sumber hutan Kerajaan telah meluluskan pindaan kepada Dasar Perhutanan Negara 1978 pada tahun 1992. Penerimaan Dasar Perhutanan Negara (Pindaan 1992) merupakan satu langkah ke hadapan dalam mempertingkatkan pembangunan sumber-sumber hutan negara secara berkekalan untuk kesejahteraan rakyat. Ia juga merupakan satu petanda kepada iltizam dan harapan negara untuk memelihara sumber semulajadi ini bagi menampung sumbangan-sumbangan yang berterusan untuk faedah kepada generasi-generasi akan datang.

Dasar ini adalah satu asas teguh untuk pembangunan sektor perhutanan. Walau bagaimanapun, keberkesanan dan pencapaian dalam pelaksanaannya adalah bergantung kepada kerjasama dan usaha semua pihak yang terlibat. Kita berharap semua pihak yang terlibat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan ikhlas dan penuh dedikasi, agar warisan khazanah hutan negara kita dapat terus menyumbang dan dinikmati oleh generasi-generasi masa hadapan.

(Anwar Ibrahim)



MENTERI PERUSAHAAN UTAMA MALAYSIA

KATA-KATA ALUAN

Kita sentiasa memandang serius dan sedar tentang keperluan untuk mengurus secara berkekalan, membangun dan mengawal sumber-sumber hutan negara. Beberapa pendekatan dari segi dasar-dasar, perundangan-perundangan, prosidur-prosidur dan amalan-amalan telah dibentuk bagi menampung kekekalan pengeluaran barang dan perkhidmatan hutan untuk dinikmati oleh kita dan generasi-generasi kita akan datang.

Satu instrumen pencapaian dalam pembangunan sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia adalah pengubalan satu Dasar Perhutanan Sementara pada tahun 1952 bagi memudahkan dan memajukan pentadbiran dan pengurusan sumber-sumber hutan negara. Dasar Perhutanan Sementara ini telah dipinda dan diterima oleh Majlis Tanah Negara dan dilaksanakan oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 1978.

Seterusnya , untuk bertindak kepada perubahan-perubahan dalam peranan-peranan hutan bagi memenuhi keperluan-keperluan pembangunan sosio-ekonomi , perlindungan alam sekitar dan pemeliharaan sumber hutan , dan juga kegunaan sumber ini secara berkekalan , Dasar Perhutanan Negara 1978 telah dipinda pada tahun 1992. Dasar yang dipinda ini telah dimasukkan beberapa pendekatan menyeluruh yang menangani dengan mendalam keperluan-keperluan urusan secara berkekalan , pembangunan, pemeliharaan dan kawalan sumber bagi memenuhi keperluan-keperluan rakyat, industri dan perlindungan alam sekitar. Pembangunan yang mengikut edaran masa ini akan menyumbang dengan pentingnya kearah pencapaian wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Kementerian Perusahaan Utama amat berbangga kerana dipertanggungjawabkan sebagai agensi penyelia dan pengawal dalam pelaksanaan Dasar Perhutanan Negara (Pindaan 1992) ini. Saya penuh yakin bahawa dengan kerjasama yang berterusan dan ketekunan semua pihak yang terlibat, kita akan dapat melaksanakan dengan berjaya Dasar serta mencapai pembangunan secara berkekalan sektor perhutanan, sejajar dengan matlamat dan strategi pembangunan negara.



(DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK)



KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

KATA-KATA ALUAN

Penerimaan Dasar Perhutanan Negara pada 10 April, 1978 oleh Majlis Tanah Negara merupakan satu kejayaan penting dalam perkembangan sektor perhutanan di Malaysia. Ia telah menjadi satu asas yang memandu negara dalam pembangunan, penyelidikan, pengawalan dan pengurusan sumber-sumber hutan.

Sektor perhutanan telahpun mengalami beberapa perubahan penting sejajar dengan keperluan dunia dalam pengurusan dan pembangunan sumber-sumber hutan secara berkekalan. Tumpuan terhadap sumber-sumber hutan telah berubah dari hanya pengeluaran kayu-kayan kepada penghasilan pelbagai keluaran dan perkhidmatan di samping keperluan untuk melindungi alam sekitar.

Penggubalan pendekatan-pendekatan yang menyeluruh dalam pengurusan, pemeliharaan dan pembangunan sumber-sumber hutan adalah perlu untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sektor perhutanan. Justeru itu, Dasar Perhutanan Negara 1978 telah dipinda pada 25 Ogos, 1992 dan seterusnya telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara pada 19 November, 1992.


Dalam Dasar Perhutanan Negara (Pindaan 1992), lapan provisa baru telah dimasukkan disamping provisa-provisa yang sedia ada untuk mempertingkatkan pemeliharaan, pengurusan, perlindungan, penggunaan dan pembangunan sumber-sumber hutan. Lapan provisa baru yang dimasukkan adalah seperti berikut :

- **Perundangan Hutan** yang menekankan pelaksanaan Akta Perhutanan negara 1984 dan Pindaan 1993 bagi memastikan sumber-sumber hutan diurus dan dipelihara secara berkekalan;

- **Perladangan Hutan** yang menggalakkan penubuhan ladang hutan dengan pokok bermutu tinggi serta penglibatan sektor swasta yang meningkat dan aktif;
- **Perhutanan Tani** yang melibatkan masyarakat setempat dipinggiran hutan dalam penanaman pokok-pokok buah-buahan hutan bagi melindungi sumber-sumber hutan;
- **Keluaran Hutan Bukan Kayu** yang khususnya menggalakkan penghasilan buluh dan rotan serta pengurusannya secara saintifik dan berkekalan;
- **Perhutanan Masyarakat** yang bertujuan untuk memenuhi keperluan rekreasi dan pelancongan;
- **Pemeliharaan Kepelbagai Hayat** untuk mempertingkatkan pemeliharaan flora dan fauna untuk mengekalkan kepelbagai hayat hutan;
- **Nilai-Nilai Khusus Saintifik** yang melibatkan pengujudan kawasan-kawasan hutan yang khusus untuk kajian-kajian saintifik; dan
- **Kerjasama Antarabangsa** untuk menjalin hubungan antarabangsa yang lebih erat bagi mencapai persefahaman dalam pengurusan dan pembangunan sumber hutan.

Faktor utama dalam menjamin kejayaan pelaksanaan Dasar Perhutanan Negara (Pindaan 1992) ini adalah sokongan dan kerjasama yang erat di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Di samping itu juga, pemahaman peruntukan Dasar sepenuhnya oleh semua pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia amatlah penting dalam menentukan pelaksanaan beban tugas dan tanggungjawab dapat dilaksanakan sejajar dengan kehendak-kehendak Dasar Perhutanan Negara (Pindaan 1992).

Adalah menjadi harapan saya semoga dengan penerimaan dan pelaksanaan Dasar ini , warisan khazanah hutan ini dapat diurus dan dibangunkan secara berkekalan untuk sumbangan yang berterusan ke arah memenuhi hasrat pembangunan negara sejajar dengan kehendak Wawasan 2020.



(DATO' ISMAIL AWANG)

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Ismail Awang". It is written over a horizontal line and includes a small circle at the end of the main stroke.

Isi Kandungan

Muka Surat

PRAKATA	1
1. PENDAHULUAN	2
1.1 LATAR BELAKANG	2
1.2 PENTADBIRAN	2
1.3 PERUNDANGAN DAN DASAR PERHUTANAN	3
2. KENYATAAN DASAR	5
2.1 OBJEKTIF-OBJEKTIF	5
2.2 KENYATAAN-KENYATAAN	5
3. PERLAKSANAAN DASAR	9
3.1 PENGISYTHIHARAAN HUTAN SIMPANAN KEKAL	9
3.2 PERUNDANGAN HUTAN	10
3.3 PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN	10
3.4 PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN HUTAN	11
3.5 PENGUSAHASILAN HUTAN	11
3.6 KELUARAN DAN INDUSTRI HUTAN	12
3.7 PENYERTAAN BUMIPUTRA	13
3.8 LADANG HUTAN	14
3.9 HUTAN TANI	14
3.10 KELUARAN HUTAN BUKAN KAYU	14
3.11 PENYELIDIKAN PERHUTANAN	15
3.12 PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA DAN LATIHAN	15
3.13 PENDIDIKAN DAN PENGEMBANGAN PERHUTANAN	15
3.14 PEMELIHARAAN KEPELBAGAIAN HAYAT	16
3.15 PERHUTANAN MASYARAKAT, REKREASI DAN PELANCONGAN	16
3.16 NILAI KHUSUS SAINTIFIK	16
3.17 KERJASAMA ANTARABANGSA	16
4. SINOPSIS	17

PRAKATA

Hutan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi dan industri negara. Disamping itu ia juga berperanan dalam mengekalkan kestabilan alam sekitar, termasuk perlindungan sumber air dan kepelbagaian hayat, flora dan fauna. Kepentingan ini perlu dikekalkan dan diperpanjangkan, bukan sahaja untuk generasi semasa, tetapi juga generasi akan datang.

Semenjak 1952, pentadbiran dan pengurusan hutan adalah berpandukan kepada Dasar Perhutanan Sementara yang mana telah diterimapakai sebagai Dasar Perhutanan Negara pada tahun 1978. Dasar Perhutanan Negara yang diterima dalam tahun 1978, memerlukan kajian semula berikutan dari timbulnya tekanan kepada isu alam sekitar sejak kebelakangan ini, terutama sekali berkenaan pepanasan dunia (global warming).

Hasrat untuk mengekalkan persekitaran alam yang bersih, air yang tidak tercemar, dan penghasilan sumber hutan yang berkekalan adalah untuk memenuhi keperluan dan aspirasi negara. Bagi mencapai hasrat ini, penggubalan dasar yang mengimbangkan keperluan pembangunan dengan kestabilan alam sekitar adalah penting bagi menjamin pembinaan persekitaran yang baik dan menyihatkan dalam usaha ke arah era perindustrian.

Dasar Perhutanan Negara yang telah dipinda ini adalah sangat dialu-alukan ke arah menjayakan Wawasan 2020 dan aspirasi negara dalam mengejar nilai kehidupan yang lebih baik untuk generasi-generasi akan datang. Adalah diharapkan masyarakat akan memberikan sokongan dan kerjasama yang padu terhadap kesedaran dan keberkesanan perlaksanaan dasar ini. Kejayaan dasar ini adalah bergantung kepada komitmen semua pihak yang terlibat.

1.0 PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG

Hutan hujan tropika merupakan salah satu ekosistem yang paling kompleks di dunia. Ia merupakan warisan semulajadi yang unik yang telah berevolusi semenjak berjuta-juta tahun dan merupakan kediaman kepada pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Ia membantu memelihara hidupan liar, sumber genetik dan menyediakan eko-habitat semulajadi kepada flora dan fauna. Hutan menyediakan makanan dan perlindungan untuk berbagai jenis mamalia, reptilia, amphibia, ikan, burung dan serangga, yang mana kebanyakannya adalah penghuni asli di rantaui ini.

Hutan juga memainkan peranan penting dalam pengawalan iklim dan keadaan fizikal negara, mengawal sumber air, memastikan kestabilan alam sekitar dan mengurangkan kerosakan ke atas tanah-tanah pertanian.

Hutan hujan tropika di Malaysia sebahagian besarnya terdiri dari hutan dipterokarpa pamah dan bukit yang kaya dengan berbagai spesies serta penting kepada ekonomi dan ekologi negara. Hutan-hutan jenis lain yang terdapat di sini adalah hutan paya laut, hutan paya gambut, hutan *montane oak* dan hutan *montane ericaceous*. Selain daripada kepentingannya bagi pengeluaran kayu jaras dan arang, hutan paya laut yang terdapat di persisiran pantai, juga memain peranan penting dalam perlindungan dan pengekalan ekosistem semulajadi pantai, perikanan dan hidupan laut yang lain. Hutan paya gambut yang terdapat di kawasan pendalaman menghasilkan beberapa spesies kayu yang bermutu tinggi.

Sebagai satu sumber yang boleh diperbaharui, hutan hujan tropika terus memberi pulangan sosio-ekonomi yang penting dan ia perlulah dipelihara untuk mempastikan faedah-faedah yang maksimum dan berterusan.

1.2 PENTADBIRAN

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, perhutanan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang mempunyai hak mutlak ke atas sumber hutan. Kerajaan Persekutuan memberikan nasihat teknikal tentang pengurusan dan pembangunan hutan, menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan serta menggalakkan industri berasaskan kayu dan perdagangan.

Di dalam hubungan ini kerjasama rapat diantara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan mengenai hal-hal perhutanan adalah penting. Majlis Perhutanan Negara (MPN) berfungsi memudahkan penerima pakai, mengkoordinasi amalan pengurusan dan penggunaan hutan secara terancang, rasional dan efektif, sejajar dengan keperluan untuk mengekalkan hutan sebagai sumber asli yang boleh diperbaharui dalam jangkamasa panjang.

1.3 PERUNDANGAN DAN DASAR PERHUTANAN

Enakmen dan Kaedah-Kaedah Hutan untuk pentadbiran hutan telah diterimapakai oleh Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pada awal tahun 1930an dan seterusnya telah diganti dengan Akta Perhutanan Negara dalam tahun 1984.

Dasar Perhutanan Sementara yang pertama digubal pada tahun 1952 telah diterimapakai secara rasmi sebagai Dasar Perhutanan Negara dalam tahun 1978. Walau bagaimanapun, dasar ini perlu dikemaskini bagi menghadapi isu-isu semasa dan pembangunan dalam konteks aspirasi negara.

2.0 KENYATAAN DASAR

2.1 OBJEKTIF-OBJEKTIF

- 2.1.1 Untuk memelihara dan mengurus hutan negara berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan secara berkekalan.
- 2.1.2 Untuk melindungi alam sekitar dan memelihara kepelbagaian hayat, sumber-sumber genetik dan meningkatkan penyelidikan dan pendidikan.

2.2 KENYATAAN-KENYATAAN

- 2.2.1 Mengisytiharkan sebagai Hutan Simpanan Kekal kawasan-kawasan yang mencukupi dan strategik di seluruh negara, berasaskan kepada konsep penggunaan tanah yang rasional. Hutan Simpanan Kekal akan diurus dan diklasifikasikan di bawah empat fungsi-fungsi utama:
 - 2.2.1.1 **HUTAN PERLINDUNGAN** untuk memastikan kesesuaian iklim dan keadaan fizikal negara, mengawal sumber air, kesuburan tanah, kualiti alam sekitar, pemeliharaan kepelbagaian hayat dan mengurangkan kerosakan oleh banjir dan hakisan kepada sungai dan tanah pertanian.
 - 2.2.1.2 **HUTAN BERHASIL** untuk bekalan yang berterusan, pengeluaran semua hasil hutan pada kadar yang munasabah secara ekonomik

di dalam negara dan yang diperlukan untuk pertanian, penggunaan tempatan, perindustrian dan eksport.

2.2.1.3 HUTAN LIPUR untuk mengekalkan sejumlah kawasan yang mencukupi sebagai tempat rekreasi, *eco-tourism* dan untuk kesedaran masyarakat mengenai perhutanan.

2.2.1.4 HUTAN PENYELIDIKAN DAN PENDIDIKAN untuk menjalankan penyelidikan, pendidikan dan pemeliharaan kepelbagaian hayat.

- 2.2.2 Untuk menguruskan Hutan Simpanan Kekal supaya memaksimumkan faedah-faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar bagi kepentingan rakyat dan negara sejajar dengan prinsip-prinsip pengurusan secara berkekalan.
- 2.2.3 Untuk melaksanakan program pembangunan hutan yang terancang melalui operasi pemeliharaan dan pemuliharaan hutan berdasarkan amalan-amalan silvikultur yang sesuai.
- 2.2.4 Untuk menggalakkan pengusaha-silan serta penggunaan yang cekap dari hutan berhasil bagi faedah ekonomi yang maksimum dari semua jenis keluaran hutan serta meransang pembangunan perindustrian hutan sesuai dengan aliran sumber dan membuka peluang-peluang pekerjaan.

- 2.2.5 Untuk menggalakkan pembangunan perindustrian hutan yang terancang ke arah penghasilan barang bernilai tambah dan separa bernilai tambah bagi kegunaan tempatan dan eksport.
- 2.2.6 Untuk menggalakkan penyertaan Bumiputra yang agresif dalam lapangan industri berasas kayu sejajar dengan dasar kerajaan.
- 2.2.7 Untuk menubuhkan ladang-ladang hutan dari spesies-spesies tempatan dan luar negeri bagi menampung bekalan kayu dari hutan asli.
- 2.2.8 Untuk menggalakkan penglibatan aktif masyarakat tempatan dalam pelbagai kontrak projek-projek pembangunan perhutanan dan mengekalkan penglibatan mereka dalam program-program hutan tani.
- 2.2.9 Untuk meningkatkan keluaran hutan bukan kayu melalui amalan-amalan pengurusan secara saintifik dan berkekalan bagi menampung permintaan tempatan serta keperluan industri-industri berkaitan.
- 2.2.10 Untuk melaksanakan program latihan perhutanan yang komprehensif di semua peringkat sektor awam dan swasta bagi memastikan bilangan tenaga manusia terlatih yang mencukupi untuk memenuhi keperluan bidang perhutanan dan industri berasaskan kayu.

- 2.2.11 Untuk menggalakkan pelaburan swasta dalam pembangunan hutan melalui penubuhan ladang hutan atas kawasan persendirian.
- 2.2.12 Untuk mengendali dan menyokong program-program penyelidikan yang intensif dalam bidang perhutanan dan keluaran hutan yang bertujuan untuk meningkatkan faedah-faedah hutan secara maksimum.
- 2.2.13 Untuk menggalakkan pendidikan dalam perhutanan dan mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan publisiti dan pengembangan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap pelbagai faedah hutan.
- 2.2.14 Untuk memberi perlindungan kepada kepelbagaiannya hayat dan pengekalan kawasan yang mempunyai spesies flora dan fauna yang unik.
- 2.2.15 Untuk membentuk satu program perhutanan masyarakat bagi menampung kehendak masyarakat di dalam dan di luar bandar.
- 2.2.16 Untuk menghaskan kawasan yang khusus bagi pendidikan perhutanan dan kajian saintifik yang lain.
- 2.2.17 Untuk menjalin kerjasama antarabangsa yang lebih erat dalam bidang perhutanan bagi mendapat faedah melalui pemindahan teknologi dan pertukaran maklumat saintifik.

3.0 PERLAKSANAAN DASAR

Ketua Pengarah Perhutanan adalah bertanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan atas pengurusan Hutan Simpanan Kekal Negara yang cekap dan teratur yang disempurnakan dengan cara memberi nasihat dan bantuan teknikal serta kemudahan latihan kepada Kerajaan Negeri melalui Pengarah Perhutanan Negeri masing-masing. Demi kepentingan masyarakat dan negara, Kerajaan Negeri bolehlah menerima nasihat profesional dan teknikal yang dikemukakan oleh Ketua Pengarah Perhutanan untuk perlaksanaan Dasar Perhutanan Negara.

3.1 PENGISYIHIARAN HUTAN SIMPANAN KEKAL

- 3.1.1 Hutan Simpanan Kekal yang mencukupi perlu ditentukan dan hakmiliknya di jamin. Kawasan yang dikenalpasti tersebut mestilah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal dan tidak boleh dikeluarkan kecuali di dalam sesuatu keadaan yang tersangat istimewa. Semua kawasan yang telah dikeluarkan hendaklah digantikan sepertimana yang tercatat dalam Akta Perhutanan Negara, 1984.
- 3.1.2 Bilamana boleh, langkah-langkah perlu diambil untuk menambah kawasan Hutan Simpanan Kekal dengan mengambilkira kawasan lain seperti tanah terbiar, tanah kerajaan, tanah bercerun dan tanah-tanah lain yang tidak subur.

3.2 PERUNDANGAN HUTAN

- 3.2.1 Akta Perhutanan Negara, 1984 hendaklah dilaksanakan dengan cekap dan bijaksana untuk memastikan pemeliharaan dan pengurusan sumber-sumber hutan secara berkekalan.**

3.3 PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN

- 3.3.1 Hutan Simpanan Kekal akan diurus berdasarkan kepada prinsip pengurusan hasil secara berkekalan untuk memaksimumkan faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Pengawasan yang rapi terhadap kawasan hutan haruslah dijalankan secara sistematik dan berterusan.**
- 3.3.2 Hutan Simpanan Kekal hendaklah diusahasil berdasarkan kepada keupayaan semulajadi hutan, penggunaannya yang optimum dan penggunaan tanah hutan yang komprehensif.**
- 3.3.3 Bagi tujuan pengusahahasilan sumber-sumber hutan secara berkekalan, pengeluaran kayu balak akan dikawal berdasarkan kepada keseimbangan antara permintaan dengan pengeluaran serta penggunaan maksimum. Regim pengurusan hutan yang terbaik akan diamalkan ke atas Hutan Berhasil yang digubal berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui pengurusan hutan dan kajian operasi yang bersepadau dan sistematis.**
- 3.3.4 Untuk memastikan amalan pengurusan secara berkekalan, Hutan Berhasil akan diusahasil secara**

komprehensif melalui tebangan memilih dan meninggalkan stok dirian yang mencukupi untuk pusingan tebangan seterusnya. Semua rancangan pengurusan hutan bagi hutan darat dan hutan paya laut hendaklah sentiasa diselia dan dikemaskinikan bersesuaian dengan prinsip pengurusan secara berkekalan. Pada masa yang sama, rancangan pemeliharaan dan pemuliharaan ke atas hutan yang telah diusahasil hendaklah dilaksanakan dan diselia.

3.4 PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN HUTAN

- 3.4.1 Satu program pembangunan hutan secara teratur melalui operasi pemeliharaan dan pemuliharaan hutan berasaskan amalan silvikultur yang sesuai hendaklah dijalankan bagi mencapai produktiviti yang maksimum daripada Hutan Simpanan Kekal.
- 3.4.2 Pelaburan dalam program pembangunan hutan hendaklah dipertimbangkan selaras dengan kemajuan pembangunan hutan.
- 3.4.3 Hutan yang telah dipulih tidak boleh diusahasilkan sebelum ianya mencapai peringkat kematangan..

3.5 PENGUSAHASILAN HUTAN

- 3.5.1 Pengusahahsilan hutan dan pembangunan infrastruktur yang berkaitan di dalam Hutan Simpanan Kekal dan lain-lain kawasan hutan akan diselaras dan dikawal berasaskan kepada rancangan pengurusan hutan dan/atau rancangan

pengusahsilan hutan yang telah ditentukan bagi mengekalkan paras pengeluaran kayu balak yang berpatutan, mengurangkan kerosakan terhadap dirian tinggal, anak benih serta mengawal kualiti alam sekitar dan keseimbangan ekologi.

- 3.5.2 Pengusahsilan hutan yang cekap adalah digalakkan untuk semua jenis keluaran bagi faedah pembangunan negara.
- 3.5.3 Operasi pengusahsilan akan ditingkatkan untuk memperolehi keberkesanan kos, meningkatkan ciri-ciri keselamatan dan mengurangkan kerosakan kepada alam sekitar.

3.6 KELUARAN DAN INDUSTRI HUTAN

- 3.6.1 Penubuhan industri pemprosesan utama hendaklah berdasarkan kepada keadaan bekalan bahan mentah daripada Hutan Simpanan Kekal dan sumber-sumber lain.
- 3.6.2 Menggalakkan peningkatan kecekapan pemprosesan keluaran hutan melalui permodenan dan bersepadu untuk memaksimumkan penggunaan sumber.
- 3.6.3 Menggalakkan penggunaan yang sepenuhnya untuk kayu-kayu jenis kurang terkemuka, balak bermutu rendah, dan semua bentuk sisa dari hutan dan kilang secara lebih meluas untuk keluaran yang bernilai tambah.

- 3.6.4 Menggalakkan pemprosesan hiliran melalui penubuhan kompleks pemprosesan bersepadu untuk mengambil peluang daripada kemudahan asas, perpindahan teknologi, hubungan antara industri bagi pengwujudan asas pengeluaran bersepadu untuk tujuan perkembangan dan pengeksportan.
- 3.6.5 Memastikan bekalan mentah yang mencukupi dan terjamin untuk industri berasaskan kayu kayan tempatan serta kemajuan industri ini yang berterusan.
- 3.6.6 Perkhidmatan pengembangan industri hutan akan ditingkatkan untuk membantu pengusaha mencapai kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi, mengurangkan pencemaran alam sekitar dan meninggikan taraf keselamatan dalam industri pemperosesan sumber hutan.

3.7 PENYERTAAN BUMIPUTRA

- 3.7.1 Penyertaan Bumiputra dalam lapangan perusahaan berasas kayu hendaklah diberi keutamaan sejajar dengan Dasar Pembangunan Nasional Kerajaan khususnya mengenai penempatan semula masyarakat. Untuk mencapai matlamat Dasar tersebut, usaha memberi bantuan seperti kemudahan nasihat kewangan, dan bantuan teknik serta latihan kakitangan di semua peringkat perusahaan hendaklah ditawar dan dilaksanakan sepenuhnya.

3.8 LADANG HUTAN

- 3.8.1 Ladang hutan yang mencukupi akan ditubuhkan di seluruh negara untuk menampung bekalan kayu.
- 3.8.2 Ladang hutan dari spesies-spesies cepat tumbesaran dan ladang hutan dari spesies-spesies bermutu tinggi akan digalakkan ditubuh ditapak-tapak yang sesuai.
- 3.8.3 Pihak swasta akan digalak untuk melabur di dalam penubuhan dan pembangunan ladang hutan.

3.9 HUTAN TANI

- 3.9.1 Menggalakkan penglibatan masyarakat yang tinggal di pinggiran hutan dalam penanaman pokok buah-buahan hutan untuk pemeliharaan dan pengekalan sumber hutan.
- 3.9.2 Untuk mengekalkan penglibatan mereka dalam program hutan tani dan memberi keutamaan dalam mengutip hasil di musim buah kepada mereka.

3.10 KELUARAN HUTAN BUKAN KAYU

- 3.10.1 Tanaman rotan akan digalakkan di samping menguruskan sumber rotan yang sedia ada secara saintifik dan berkekalan.
- 3.10.2 Tanaman buloh akan digalakkan di samping menguruskan sumber buloh yang sedia ada secara saintifik dan berkekalan.

3.11 PENYELIDIKAN PERHUTANAN

3.11.1 Sektor awam dan swasta adalah digalakkan untuk meningkatkan penyelidikan perhutanan bagi mencapai kestabilan alam sekitar, pengurusan sumber hutan secara berkekalan dan hasil yang maksimum.

3.12 PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA DAN LATIHAN

3.12.1 Tenaga manusia yang mahir dan mencukupi perlu dibekalkan untuk melaksanakan semua aktiviti perhutanan.

3.12.2 Usaha perlu diambil untuk mengadakan kemudahan latihan yang lebih lengkap bagi meningkatkan kemahiran tenaga manusia di semua peringkat operasi perhutanan dan industri hutan.

3.12.3 Satu program latihan yang komprehensif dalam pelbagai bidang perhutanan dan industri hutan akan terus dilaksanakan untuk menampung keperluan sektor awam dan swasta.

3.13 PENDIDIKAN DAN PENGEMBANGAN PERHUTANAN

3.13.1 Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai perhutanan melalui :

- a) Pelbagai program media masa;
- b) mendidik masyarakat untuk menghayati

fungsi-fungsi hutan; dan

- c) memperkenalkan sains perhutanan di dalam kurikulum sekolah.

3.14 PEMELIHARAAN KEPELBAGAIAN HAYAT

- 3.14.1 Pengurusan hutan negara hendaklah mengambil kira keperluan pemeliharaan flora dan fauna.

3.15 PERHUTANAN MASYARAKAT, REKREASI DAN PELANCONGAN.

- 3.15.1 Mempertingkatkan program perhutanan masyarakat untuk memenuhi keperluan awam dalam rekreasi dan pelancongan.

- 3.15.2 Mempergiatkan aktiviti penanaman pokok buah-buahan dan lain-lain spesies di tepi Hutan Simpanan Kekal. Sementara aktiviti penanaman pokok di kawasan bandar digalakkan untuk penghijauan, teduhan, membekalkan udara bersih dan nilai estetik.

3.16 NILAI KHUSUS SAINTIFIK

- 3.16.1 Mewujudkan kawasan hutan yang khusus bagi tujuan pendidikan, perlindungan dan kajian-kajian saintifik.

3.17 KERJASAMA ANTARABANGSA

- 3.17.1 Menjalin hubungan antarabangsa yang lebih erat untuk meningkatkan persefahaman dalam pengurusan dan pembangunan hutan.

4.0 SINOPSIS

DASAR PERHUTANAN NEGARA, 1978 (PINDAAN 1992)

Objektif Dasar Perhutanan Negara, 1978 (pindaan 1992) adalah untuk memelihara dan mengurus hutan melalui amalan pengurusan hutan secara berkekalan serta mengekalkan peranan pentingnya dalam ekonomi negara dan kestabilan alam sekitar.

Secara ringkas, Dasar Perhutanan Negara adalah bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

Pengwartaan Hutan Simpanan Kekal

Untuk memperuntukkan kawasan tanah yang mencukupi bagi Hutan Perlindungan, Hutan Berhasil, Hutan Lipur dan Hutan Pendidikan dan Penyelidikan sebagai Hutan Simpanan Kekal.

Perundangan Hutan

Untuk memastikan sumber hutan dikekalkan dan diuruskan secara berkekalan melalui penguatkuasaan undang-undang hutan yang cekap.

Pengurusan Hutan Secara Berkekalan

Untuk mengurus hutan melalui amalan prinsip pengurusan hasil secara berkekalan bagi mencapai faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar yang maksimum.

Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Hutan

Untuk meningkatkan program pembangunan hutan melalui operasi pemeliharaan dan pemuliharaan hutan berdasarkan amalan-amalan silvikultur yang sesuai bagi mencapai produktiviti yang maksimum.

Pengusahasilan Hutan

Untuk menggalakkan cara-cara pengusahasilan hutan yang cekap melalui rancangan pengurusan dan pengusahasilan hutan yang ditetapkan bagi penghasilan keluaran hutan secara berterusan.

Keluaran Dan Industri Hutan

Untuk mencapai keseimbangan yang rasional antara kapasiti keupayaan industri pemerosesan dengan bekalan sumber hutan.

Penyertaan Bumiputra

Untuk terus menggalakkan penyertaan kaum Bumiputra dalam lapangan perusahaan kayu kayan sejajar dengan Dasar Pembangunan Nasional Kerajaan.

Ladang Hutan

Untuk menubuh dan menguruskan ladang hutan untuk menampung bekalan kayu balak dari kawasan hutan asli serta juga menggalakkan pelaburan sektor swasta yang aktif dalam penubuhan dan pembangunan ladang hutan.

Hutan Tani

Untuk menggalakkan penglibatan aktif masyarakat setempat dalam program hutan tani.

Pengeluaran Hutan Bukan Kayu

Untuk meningkatkan keluaran hutan bukan kayu bagi menampung permintaan tempatan serta keperluan industri pemprosesan yang berkaitan.

Penyelidikan Perhutanan

Untuk menggalakkan sektor awam dan swasta dalam perlaksanaan semua aspek penyelidikan perhutanan.

Pembangunan Tenaga Manusia Dan Latihan

Untuk menambah bilangan tenaga manusia yang terlatih bagi menampung keperluan perhutanan dan industri berasaskan kayu.

Pendidikan Dan Pengembangan Perhutanan

Untuk menggalakkan perkhidmatan pengembangan, publisiti dan pendidikan perhutanan.

Pemeliharaan Kepelbagaian Hayat

Untuk melaksanakan program-program yang sesuai bagi mengekalkan kepelbagaian hayat dan memelihara jenis-jenis flora dan fauna yang unik.

Perhutanan Masyarakat, Rekreasi Dan Pelancongan

Untuk menggubal program-program perhutanan masyarakat serta menyediakan kemudahan berekreasi dan pelancongan.

Nilai Khusus Saintifik

Untuk mewujudkan kawasan yang sesuai bagi tujuan pendidikan dan keperluan sains.

Kerjasama Antarabangsa

Untuk menjalinkan perhubungan dan kerjasama antarabangsa yang lebih erat bagi meningkatkan kefahaman dalam pengurusan dan pembangunan hutan hujan tropika.